

19 OCT 2001

Belanjawan-Wanita

RM59 JUTA PERUNTUKAN BIAYAI PROGRAM KHUSUS UNTUK WANITA

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM59 juta dalam Belanjawan 2002 bagi membiayai pelbagai program khusus untuk wanita sebagai tanda pengiktirafan peranan mereka dalam pembangunan ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peruntukan itu akan digunakan untuk program khusus bagi meningkatkan kualiti hidup wanita terutama dari luar bandar dan membangunkan usahawanita di samping menghapuskan perbezaan gender dalam semua lapangan.

Ketika membentangkan belanjawan itu di Dewan Rakyat, Dr Mahathir juga mengumumkan balu yang berkahwin semula dicadangkan terus menerima bayaran pencen suami yang meninggal, dan tidak akan kehilangan bayaran berkenaan seperti yang berlaku sekarang.

"Adalah diharapkan tidak ramai yang akan mengambil isteri muda dan meninggalkan isteri yang tua kerana peruntukan ini," katanya berjenaka, disambut ketawa anggota parlimen.

Beliau juga berkata wanita negara ini bertuah memandangkan kerajaan sentiasa memberi galakan dan peluang yang saksama untuk menceburi sebarang bidang pekerjaan.

"Bagaimanapun, kadar penyertaan tenaga buruh wanita adalah di paras 44.5 peratus, lebih rendah daripada 60 peratus di negara maju," katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata separuh daripada 60 peratus penduduk beragama Islam di negara ini adalah wanita, jika tenaga wanita tidak dibenarkan menyumbang kepada pembangunan orang Islam, tenaga orang Islam akan berkurangan kepada 30 peratus.

"Jika ini berlaku mereka yang sudahpun lemah, akan jadi lemah lagi," katanya.

Beliau berkata kepentingan peranan wanita memang disedari dan telah diiktiraf dengan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita Dan Keluarga yang diketuai menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

"Isu dan masalah yang spesifik berkaitan wanita termasuk kanak-kanak dan kekeluargaan dapat diberi tumpuan yang lebih khusus dengan penubuhan kementerian berkenaan," katanya.

Selaras dengan itu juga, Artikel 8(2) Perlembagaan Persekutuan telah dipinda bagi memasukkan perkataan "gender" supaya tiada lagi sebarang undang-undang atau dasar yang mendiskriminasikan wanita.

-- BERNAMA

SHI AHH RON